

TAFSIR *RASAIL AL-NUR* KARYA BADIUZZAMAN SAID NURSI: PENELITIAN TERHADAP SUMBER, KEISTIMEWAAN DAN PENGARUHNYA KEPADA UMAT ISLAM

Dr. Mohd Nasir Ayub^{1,a}, Dr. Affendi Ismail^{2,b}, Dr. Norhapizah Mohd Burhan^{3,c},
Muhammad Saiful Islami Mohd Tahir^{4,d}

^{1,4}Akademi Pengajian Islam kontemporari (ACIS)
UiTM kampus Kedah

²Akademi Pengajian Islam kontemporari (ACIS)
UiTM kampus Kelantan

³Akademi Pengajian Islam kontemporari (ACIS)
UiTM Pahang Kampus Jengka

^amnasir251@kedah.uitm.edu.my, ^baffendismail226@gmail.com,
^cizahuiaum@pahang.uitm.edu.my, ^dmsaiful0860@kedah.uitm.edu.my

PENDAHULUAN

Badiuzzaman Said Nursi adalah tokoh pejuang dan pembaharu pemikiran ummah di saat umat Islam meratapi kejatuhan khilafah Islamiyah di Turki. Perlantikan Mustafa Kamal menambahkan lagi parah umat Islam apabila agama Islam mula dihina manakala syiar-syiar Islam pula diharamkan daripada diamalkan. Bukan sahaja di Turki, umat Islam seluruh dunia turut merasai tempias kejatuhan kerajaan Islam tersebut. Dalam kecamukan ini, Nursi mula mengarang tafsir *Rasāil al-Nūr* yang bertujuan untuk mempertahankan iman umat Islam daripada serangan ideologi Barat terutamanya faham sekular dan atheis. Perjuangannya dengan lisan dan tulisan menentang kezaliman pemerintah akhirnya membuahkan hasil. Karya *Rasāil al-Nūr* telah mengubah landskap sosial dan politik umat Islam di Turki.

SIAPAKAH SYEIKH BADIUZZAMAN SAID NURSI?

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877M di perkampungan Nurs yang terletak di daerah Khizan, wilayah Bitlis (iaitu berada di timur Turki). Nursi adalah gelaran kepada Said Nursi yang mengambil nama sempena nama kampungnya Nurs. Nama sebenar beliau ialah “Said” (Sukran Vahidah,1992: 3; Sarwat Saulat, 1981: 7).

Nursi dibesarkan dalam sebuah keluarga berbangsa Kurdis yang hidup dengan penuh kesederhanan dan kasih sayang. Menurut al-Mullazkirdi (1983: 49), ayah beliau bernama Mirza bin Ali bin Khidir bin Mirza Khalid bin Mirza Rasyad, berkerja sebagai petani dan kuat berpegang dengan amalan sufi manakala ibunya bernama Nuriyyah binti Mulla Tahir merupakan wanita yang taat kepada perintah Allah. Dikatakan bahawa Mirza dan Nuriyyah mempunyai silsilah *Ahli Bayt*.

Nursi banyak menimba ilmu daripada syeikh-syeikh terkemuka di timur Turki. Antaranya ialah syeikh Muhammad Nur, syeikh Abdul Rahman Tagh dan syeikh Fahim. Beliau juga berguru dengan syeikh Amin Afandi, Mulla Fathullah dan syeikh Fathullah Afandi sehinggalah menamatkan pengajian agamanya dengan syeikh Muhammad Kufrawi (S. Vahide, 1992: 23). Bukan sahaja ilmu-ilmu agama, beliau juga berjaya menguasai ilmu-ilmu sains moden ketika menekuninya di perpustakaan persendirian milik gebenor Bitlis, Tahir Pasha. Penguasaan ilmu-ilmu termasuklah ilmu sejarah, geografi, matematik, geologi, fizik, kimia, astronomi dan juga falsafah. Menurut Wan Jefree (1987:8) disebabkan kekuatan ingatannya yang luar biasa, beliau dapat menghafaz dan menguasai hampir 80 hingga 90 buah buku pelbagai bidang dalam masa yang singkat.

Kebolehan Nursi yang menguasai pelbagai disiplin ilmu termasuklah dapat mengadunkan ilmu agama dan ilmu sains moden dalam metodologi pengajaran yang baik serta sesi perdebatannya yang mengkagumkan, maka ulama-ulama dan masyarakat pada masa itu mengiktiraf keilmuan Nursi dan menggelarkan beliau sebagai *Bediuzzaman Said Nursi* yang bermaksud *Said Nursi Bintang Zaman* atau *The Wonder of The Age* (Hasan Korkuc, 2004: 105). Nursi meninggal dunia pada tanggal 5 Ramadhan 1379H. bersamaan 23 Mac 1960, pada usianya 83 tahun. Sesungguhnya beliau meninggalkan delegasi dakwah, ilmu dan kepimpinan yang berbekas dalam jiwa masyarakat Turki hingga kini.

APA ITU *RASAIL AL-NUR*?

Terdapat banyak pentakrifan yang diberikan oleh sarjana Islam tentang karya *Risālah al-Nūr*. Hal ini disebabkan

pengalaman yang dilalui semasa membacanya. Namun begitu, ia adalah sebahagian daripada tindak balas terhadap kehebatan tafsir *Risālah al-Nūr* itu sendiri yang membawa pemikiran pembaca mendekati hakikat al-Quran dan iman melalui tafsiran yang mengkagumkan. Sehubungan itu, Muhsin ‘Abd al-Ḥamīd (1983:180) menghimpunkan *Risālah al-Nūr* sebagai kitab syariat dan akidah, kitab doa dan hikmah, kitab ubudiyah dan dakwah, kitab *haq* (kebenaran) dan hakikat, kitab mantik dan ilmu kalam, kitab yang menggalakkan kepada beramal, menundukkan para penentang dan mendiamkan mereka. *Risālah al-Nūr* terkandung di dalamnya disiplin ilmu yang banyak, mengandungi falsafah yang tinggi untuk direnungi, menjadi panduan dan penyelamat kepada mereka yang hanyut.

Menurut Nursi (*al-Malāḥiq*, 2010:199) sendiri, *Risālah al-Nūr* adalah argumen yang luar biasa dan tafsir yang sangat berharga terhadap al-Qur’an al-Karim. Ia merupakan sebuah kilatan yang memukau dari kemukjizatan maknawi al-Qur’an, merupakan setetes dari samudera al-Qur’an, secercah cahaya dari surya al-Qur’an, sebuah hakikat yang terilham dari khazanah ilmu hakikat. *Risālah al-Nūr* juga merupakan terjemahan maknawi yang bersumber dari limpahan makna al-Qur’an. Dalam *Sīrah Zātiyah* (2010: 260-261), Nursi menyebutkan bahawa *Risālah al-Nūr* bukanlah cernaan daripada pemikiran Nursi, akan tetapi ianya adalah ilham daripada Allah SWT yang dilimpahkan ke dalam hati beliau daripada nur al-Quran.

SUMBER RISALAH AL-NUR

Risālah al-Nūr merupakan sebuah karya yang ditulis berdasarkan ilham yang dianugerahkan Allah SWT serta hasil dari kejernihan ilmu yang dimiliki oleh Badiuzzaman Said Nursi. Nursi menulis karya ini dalam suasana dan persekitaran semasa yang amat mencabar iaitu dalam pengawasan pemerintah, di dalam penjara, di medan perang, dan sebagainya. Sehingga terkumpulnya risalah-risalah tersebut dan disebarikan kepada masyarakat dengan penuh berhati-hati sekali diperingkat awalnya dan secara terbuka pada tahun-tahun akhir kehidupannya. Menurut Ammar Jaydal (2009:45), sumber penulisan *Risālah al-Nūr* dapat disimpulkan kepada tiga iaitu al-Quran, al-Sunah dan kejadian alam (*al-kawn*).

Al-Quran. Al-Quran dianggap sebagai kitab pertama bagi kaum Muslimin seluruhnya. Ia menjadi sumber pengetahuan tentang agama, makrifah Allah, mengenal para Nabi, tempat kembali (hari akhirat), keadilan dan sebagainya. Nursi mengutarakan sifat-sifat al-Quran seperti dapat menyingkap rahsia alam tersembunyi yang maknawi bagi nama-nama Allah yang terselindung di langit dan di bumi, mentafsirkan alam ghaib dan alam syahadah. Selain itu, al-Quran juga sebagai murabbi kepada alam manusia, merupakan kitab doa dan ubudiyah, kitab suruhan dan dakwah, kitab fikir dan zikir. Ia menjadi kitab penghubung di antara manusia dan Allah SWT (Ammar Jaydal, 2009: 46-47).

Al-Quran menjadi khazanah ilmu kepada umat ini. Ia mampu memenuhi keperluan manusia di alam ini dengan secukupnya. Di dalam *al-Kalimāt*, Nursi (2011:445) menyebutkan bahawa al-Quran merupakan hidangan dari langit yang di dalamnya ribuan makanan daripada pelbagai jenis pemikiran, akal, hati dan ruh. Setiapnya memenuhi keinginan masing-masing sehinggakan setiap kelompok daripada para *mujtahidīn*, *al-siddīqīn*, ahli bijak pandai Islam, *hukamā’ al-Islām*, ulama *al-muhaqqiqīn*, ulama usul fikh, *mutakallimin*, *awliyā’ al-‘ārīfīn*, *al-aqtāb al-‘āsyiqīn*, ulama *al-mudaqqiqqīn* serta orang-orang awam di kalangan kaum Muslimin sepakat mengatakan “*kami menemukan petunjuk (al-irsyād) yang paling baik adalah daripada al-Quran*”. Menurut penelitian Bakir (1998:5), Nursi telah meluaskan skop al-Quran itu kepada 3 iaitu al-Quran seperti mana yang dibaca (*al-Quran al-matlū*), al-Quran yang diperhatikan (*al-Quran al-manzūr*) termasuklah *al-kawn* seperti langit dan bumi, bulan dan bintang dan sebagainya, juga terangkum di dalamnya al-Quran yang boleh bercakap (*al-Quran al-nāṭiq*) iaitu Rasulullah s.a.w.

Kepelbagaian kitab-kitab ini menepati kemukjizatan al-Quran itu sendiri dalam memenuhi keperluan makhluk di bumi ini. Al-Quran dapat menyelami segala ilmu yang terbentang luas ini dengan memaksimumkan penggunaan akal yang disulahi dengan nas-nas wahyu serta ilmu-ilmu falsafah yang dimaklumi keraguannya. Menurut Nursi (*Saiqal al-Islam*, 2010:33) lagi, ianya amat bertepatan dan menyerupai tafsir maknawi bagi al-Quran dan sunah serta menerangkan matlamat kedua-duanya. Sekiranya unsur ilmu, falsafah, kemahiran dan hikmah tidak digunakan, maka ia memadamkan sudut-sudut cahaya di dalam kubur. Sedangkan Allah telah menzahirkan hakikat dan menyebarkan tanda-tandanya berupa cahaya hikmah (Nursi, *al-Kalimat*, 2011:30). Menurut ‘Abd al-Razzāq al-Sa’di, (2008:353), al-Quran dan sunah Nabi s.a.w. merupakan asas yang kukuh dan sumber yang jelas terhadap syariat yang sesuai di setiap masa dan tempat. Ia mampu membentuk suasana baik kepada manusia, menjadi sumber kepada syariat sedalam-dalamnya. Ia akan melahirkan suasana baik untuk manusia, dapat mendidik diri dan masyarakat, menegakkan keadilan dan kesaksamaan, membentuk kemaslahatan dan kemaafan. Selain itu juga, ia boleh menghindari kerosakan dan kemudaratan kepada mereka.

Sunnah Nabi dan sirah Baginda s.a.w.. Sunah Nabi s.a.w. menjadi sumber kepada perjalanan *Risālah al-Nūr*. Dalam *al-Kalimāt* menyebutkan bahawa semulia-mulia petunjuk ke atas kecantikan secara *kamāl al-mutlaq* hanyalah kepada Pencipta alam (Allah SWT), sebaik-baik takrifan ialah dengan menyahut kehendak Allah dalam menzahirkan *al-jamāl wa al-kamāl wa al-syumūl* dengan perantaraan *al-mab’ūth* (Nabi Muhammad s.a.w.) sebagaimana Baginda melaksanakan hikmah dan hakikat serta sampai kepada ‘*ain al-yaqīn* dalam pengalaman Baginda ke syurga, ke *sidratul muntahā* dan ke ‘*arash* Allah SWT (Nursi, 2011:673-675).

Manakala sumber daripada al-Sunnah dan juga al-Quran mempunyai unsur-unsur keserasian antara keduanya. Nursi (2010:92) dalam *Saiqal al-Islam* menyebutkan keduanya saling mengekori antara satu sama lain tanpa sebarang percampuran. Kerana itu, ia wajib diambil perhatian kerana terdapat juga pandangan yang tergelincir dalam memahami kedudukan ini. Keserasian antara al-Quran dan al-Sunah ini berkonsepkan kepada tolong-menolong (*al-ta’āwun*) bermula dengan perjalanan matahari dan bulan, mewujudkan siang dan malam, diikuti dengan musim sejuk dan panas hinggalah kepada tumbuhan sebagai makanan kepada haiwan yang kelaparan. Kemudiannya menjadikan haiwan bagi menolong manusia yang lemah sehinggalah pengedaran zat-zat makanan untuk sampai kepada anggota badan. Semuanya bergerak berpanduan perlembagaan (*dustūr*) tolong-menolong (*al-ta’āwun*) yang diuruskan oleh Pentadbir Yang Esa *al-Hakīm* dengan penuh hikmah (Nursi, *al-Kalimat*, 2011:335-336; *al-Mathnawi*, 2011:62). Segala percaturan ini berlaku berdasarkan sunnatullah yang ditentukan Allah SWT dan tidak boleh menyangkalnya kecuali di bawah *qudrat* dan *iradāt*Nya.

Kejadian alam dan penciptaan manusia. Nursi menjadikan kejadian alam semula jadi dan penciptaan manusia sebagai sumber penulisan *Risālah al-Nūr* , di samping sumber al-Quran dan al-Sunah yang sedia ada. Ini kerana, dari satu sudut, ia dapat menetapkan matlamat (*ithbāt al-maqāsid*) dan pada sudut yang lain ia dapat menjinakkan hati mukmin dalam menetapkan matlamat-matlamat tersebut di samping dapat mendekatkan diri kepada makrifah Allah. Dalam *al-Mathnawī* , Nursi (2011:319) menyebutkan antara tujuan Allah SWT menjadikan *al-ashyā’ al-kawniyyah* adalah untuk menjadi bukti ke atas sifat-sifat Allah yang mana lebih mudah bagi (orang awam) memahami dan lebih dekat untuk mereka mendapat petunjuk. Tidak akan terbuka mata-mata yang tertutup kecuali dengan suruhan al-Quran dengan bertadabbur dan mengamati kepada alam *al-āfāq* dan alam *al-anfus* seperti yang tertulis (*al-maktūb*). Sesungguhnya sebagai bintang al-Quran yang bergemerlapan pastinya akan membuka segala penglihatan dan mengangkat segala kegelapan kejahilan (Nursi, *Saiqal al-Islam*, 2010:56).

Untuk menjelaskan lagi hal ini, dalil-dalil kewujudan Allah ada 2 iaitu berbentuk *al-āfāqī* dan berbentuk *al-anfusī*. Nursi membahagikan pula *al-anfusī* kepada 2 iaitu *nafsī* (diri) dan *uṣūlī* (asal usul). Beliau mengaitkannya firman Allah yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah: 21)

Menurut Nursi, ayat yang menyebut “الذي خلقكم” menjelaskan tentang dalil alam *nafsī*. Manakala ayat “والذين من قبلكم” menerangkan alam *uṣūlī*. Sesungguhnya kedua-dua alam tersebut menjadi bukti ketauhidan kepada Allah SWT.

Pendalilan yang mengaitkan unsur alam dan unsur kejadian manusia ini semasa menulis *Rasāil al-Nūr* telah menempelak hujah orang-orang kafir yang ingkar tentang asal penciptaan manusia sekali gus boleh mencemarkan fitrah kejadian manusia. Nursi mengamati apabila wujud keteraturan terhadap alam ini, maka keteraturan itu lebih-lebih lagi terhadap penciptaan manusia (Nursi, *Isyarat al-Ijaz*, 2011:59). Menurut Muhsin ‘Abd al-Hamid (1999:67), kedua alam ini apabila di hurai secara sempurna dapat menyelesaikan masalah kecelaruan nilai dalam tamadun Barat yang telah merobek manusia dan mengeluarkan mereka dari suasana keinsanan kepada suasana kebinatangan. Sesungguhnya meneliti ‘*ālam al-āfāq* dan ‘*ālam al-anfus* berdasarkan kepada *Risālah al-Nūr* dapat membuka jalan untuk mencapai makrifah Allah (Nursi, *al-Mathnawi*, 2011:49). Hal ini diumpamakan oleh Ammar Jaydal (2009:72) sebagai pantulan nur daripada kedua alam tersebut bagi mencapai *ma’rifah al-azal* sekali gus menghilangkan segala bentuk kegelapan.

Menurut Nursi (*al-Lumu’at*, 2011:510-511), kedua alam ini jika diamati secara bersungguh-sungguh akan menjelaskan setiap pergerakan, penyusunan, perhiasan, kebersihan dan seumpamanya yang penuh bijaksana serta menjelaskan tentang Pencipta *al-wāḥid al-ahad*. Bahkan setiap nama (*al-ismu*) daripada *asmā’ al-husnā* itu mentajallikan sekitar ‘*ālam al-kawn* dengan seluas-luasnya.

Alam *al-kawn* juga menjelaskan tentang kenabian. Nursi mengaitkan bahawa matahari sebagai ‘*ālam al-āfāq* menjadi hujah ke atas Nabi s.a.w. yang memiliki akhlak yang terpuji secara zatnya. Begitu juga keperibadian Baginda s.a.w. secara maknawi dalam menjalankan tugasnya melebihi segala sifat-sifat yang tertinggi. Untuk menjelaskan hal ini, *Isyārāt al-Ijāz* menyatakan bahawa hidayah Allah hadir dalam banyak bentuk sama ada anggota zahir dan anggota batin serta bukti-bukti daripada ‘*ālam al-āfāqiyyah* dan ‘*ālam al-anfusiyyah*. Hidayah juga dalam bentuk utusan Rasul-Rasul dan penurunan kitab-kitab. Manakala bentuk hidayah terbesar ialah apabila didedahkan segala yang menghijab kepada kebenaran, maka terzhahiriah kebenaran itu suatu kebenaran dan kebatilan itu suatu kebatilan.(Nursi, 2011:29; Ammar Jaydal, 2009:74). Hal ini bertepatan dengan firman Allah:

قَالَ رَبُّنَا الَّذِي أَعْطَى كُلَّ شَيْءٍ حَلْقَهُ ثُمَّ هَدَى ۝

Maksudnya: *Nabi Musa menjawab: “Tuhan kami ialah yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu: kejadian semulajadinya yang sesuai dengannya, kemudian ia memberi petunjuk kepadanya akan cara menggunakannya”.*

(surah Taha: 50)

Ibn Jauzi (2005:182) menghuraikan *al-khalq wa al-hidāyah* sebagai tanda *rububiyyah* Allah SWT dan keesaanNya. Hal ini sebagai pembuktian ke atas musuh Allah SWT (iaitu firaun) bahawa hanya Allah SWT sahaja yang menciptakan makhluk dan memberikan hidayah kepada mereka dan bukan orang lain. Manakala al-Tabari (2001:79) menafsirkan ayat ini dengan menyebutkan tentang kesesuaian kejadian iaitu kesesuaian dari sudut gambaran dan keadaan (*al-ṣūrah wa al-hai’ah*). Contohnya, kejadian lelaki sesuai dengan kejadian wanita dalam hal perkahwinan dan tidak pula menemukan lelaki dengan binatang betina dan sebaliknya. Manakala hidayah pula bagaimana mereka dapat mendatangkan zuriat keturunan, cara menyuburkannya, sudut kemanfaatan, makan minum dan sebagainya.

KEISTIMEWAN *RISALAH AL-NUR*

Kehebatan karya *Risālah al-Nūr* adalah sebahagian daripada berkat dan rahmat Allah SWT kepada umat akhir zaman ini. Faktor melonjakkan *Risālah al-Nūr* di persada dunia hari ini ialah kekuatan yang ada pada pengarangnya iaitu Badiuzzaman Said Nursi itu sendiri dan sumbernya utama penulisannya iaitu mencedok terus dari al-Quran al-Karim. Hal ini diungkapkan oleh Colin Turner (1997:201) dengan katanya:

“Aku menyakini bahawa *Risālah al-Nūr* ialah karya islami yang satu-satunya menampilkan alam sejagat (al-kawn) seperti mana seadanya, menafsirkan al-Quran seperti yang dikehendaki Rasulullah, menyediakan rawatan bagi menyembuh penyakit manusia moden yang amat parah. Dengan ini, Badiuzzaman Said Nursi layak digelar Mujaddid (zaman ini)”.

Risalah al-Nur mempunyai banyak keistimewaannya. Di antara keistimewaan tersebut seperti yang direkodkan oleh al-Ṣāliḥī (1987:147) ialah:

Mencedok terus daripada limpahan al-Quran. Al-Quran al-Karim menjadi guru dan pembimbing kepada Said Nursi sepanjang beliau mengarang kitab *Risālah al-Nūr*. Nursi tidak melangkau kitab lain, tidak mengambil sumber yang lain, tidak menjadikan pembimbing lain kecuali al-Quran. Disebutkan di dalam *al-Malahiq* (Nursi, 2010:148), beliau tidak pernah pergi ke perpustakaan bahkan tidak ada sumber lain yang menjadi sumber rujukan semasa mengarang *Risālah al-Nūr*. Jelas di sini, Nursi menyakini al-Quran sebagai sumber segala urusan manusia dan penyelesaian segala permasalahan yang dihadapi serta menyediakan ramuan mengubatinya.

Berdasarkan keistimewaan al-Quran tersebut, Nursi menyelami kandungan al-Quran dan mengadaptasinya dalam sebuah karya tafsir *Risālah al-Nūr*. Keupayaan sebegini tidak dapat dihasilkan kecuali seorang yang tidak terkesan dengan nafsu, dikurniakan keikhlasan yang tinggi serta pengawasan yang ketat dalam mengawal nafsu. Seluruh usaha Nursi dan usianya hanyalah untuk mencapai redha Allah SWT tanpa sedikit pun cenderong kepada tujuan dunia sama ada berbentuk *al-māḍī* (kebendaan) atau berbentuk maknawi (al-Salihi, 1987:149-150). Nursi berjaya menjadikan *Risālah al-Nūr* sebagai cerminan kepada al-Quran *al-karīm*. Ini kerana, dengan membaca *Risālah al-Nūr* akan membangkitkan *ḍomāir*; menambahkan lagi rasa *syawq* roh-roh kepada hakikat, membangkitkan kesucian al-Quran dan memberi kesan kepada jiwa dengan perantaraan iman. Apa yang menjadi keutamaan setelah membacanya ialah untuk mencapai hakikat al-Quran dan makrifah yang disampaikan dan bukanlah terhadap tulisan Nursi itu sendiri. Bahkan sebagai penulis, Nursi tidak meletakkan dirinya dengan gelaran-gelaran yang tinggi seperti *Qutb al-‘Arifin* atau *Ghawth al-Wāṣilīn* dan sebagainya. Menurut Syanar Dilek, 1997:143) mencukupi bagi Nursi digelar sebagai Penunjuk al-Quran atau khadam al-Quran (*Dilāl al-Qurān wa khādamuhū*).

Kesyumulan al-Quran dan dalil yang positif. Pentafsiran al-Quran yang mantap berkeupayaan diterima masyarakat dan memenuhi keperluan semasa yang berlaku. Al-Quran tidaklah bersifat eksklusif kepada pihak-pihak tertentu sahaja, begitu juga dengan konteks pentafsirannya. Ia boleh dimanfaatkan oleh seluruh lapisan manusia serta memenuhi keperluan dan kehendak mereka tanpa sebarang kesulitan sama ada ia adalah anak-anak kecil, orang dewasa, orang jahil atau orang alim, lelaki atau pun wanita dan sebagainya (al-Salihi,1987:150-151). Menurut al-Tantawi (1997:164) tujuan Nursi ialah untuk membebaskan iman kaum Muslimin, mengembalikan manusia kepada agama, mendirikan dalam rumah, masyarakat dan negara dengan cahaya Islam.

Risālah al-Nūr juga menampilkan dalil-dalil yang konkrit dan hujah yang mampan bagi menarik minat pembaca menekuni setiap patah yang diuraikan. *Risālah al-Nūr* menerangkan perkara-perkara yang penting menerusi cara yang

dapat difahami oleh seseorang mengikut kemampuannya, menggunakan uslub perbandingan sehinggakan kebenaran yang jauh dapat didekatkan umpama sebuah teleskop. Ia juga mengemukakan hujah-hujah yang sempurna dan meyakinkan di samping menekankan kebenaran dan realiti. Mohamad Zaidin Mat (2003:78-79) menyebut sesiapa sahaja yang ingin mengenali Islam dan al-Quran menerusi *Rasāil al-Nūr* pasti akan mencintainya.

Apabila manusia mencintai al-Quran dan segala ilmu yang disuluh kepadanya, maka mereka akan berusaha menjadi kelompok manusia baharu yang mengalami pembaharuan jiwa dan minda daripada kemunduran kepada kemajuan, dari bersikap *mazmumah* kepada sikap *mahmudah* sehinggakan amal ibadatnya akan bertepatan dengan kehendak al-Quran.

Hal ini telah dibuktikan oleh *tullāb nūr* sendiri yang banyak menyumbang bakti kepada masyarakat Turki. *Tullāb nūr* berjaya menyucikan kekotoran, kesesatan dan kemunafikan akibat daripada keterlibatan mereka seharian dan tautan yang erat dengan *Risālah al-Nūr* (al-Salihi, 1987:152). Begitu juga banduan di penjara yang berubah menjadi Muslim yang beriman dan sanggup meninggalkan kejahatan lampau hasil daripada persahabatan mereka dengan Nursi dan keterlibatan secara langsung dengan *Risālah al-Nūr*. Al-Salihi merakamkan bahawa kebanyakan banduan-banduan di dalam penjara telah pun bertaubat kepada Allah SWT dan menemukan jalan yang lurus.¹ Dalam *al-Kalimāt*, Nursi (2011:168) menukilkan:

“Semasa di penjara Denizli, maka dengan kelebihan *bi faḍli Allah* terbentuklah ukhuwah saling kasih sayang, setelah menekuni Rasāil al-Nūr. Bahkan menjadi sebab pelepasan di kalangan mereka. Sehingga tidak ada yang melampau dan bodoh di kalangan mereka sedikit pun. Di atas dasar ukhuwah mahabbah ukhrawi itu, mereka melafazkan, *māsyā Allah.. bāraka Allah*”.

Jelas di sini bahawa dakwah dan perjuangan mesti diteruskan walau apa keadaan sekalipun. Said Nursi berjuang melawan kezaliman melalui ilmu dan hikmah yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Sama ada di masa susah atau juga senang, di masa aman, dalam tekanan, dalam perang dan sebagainya.

Berlandaskan Sunah Rasulullah s.a.w.. Sebagai seorang pejuang agama, Nursi menyerahkan seluruh hidupnya untuk mempertahankan iman umat Islam. Hanya dengan asas keimanan sahaja yang akan memandu cara berfikir, amal ibadat dan hala tuju umat Islam seluruhnya. Menurut Sa’ad Yildirim (1997:34), keimanan umpama sebuah binaan, apabila asas keimanan tidak kukuh maka segala usaha membaiki atap, dinding dan menghiasinya tidak dapat menyelamatkan binaan tersebut. Hal ini bertepatan dengan sirah perjuangan Nabi s.a.w. berjihad menaikkan agama Allah dan menyuburkan iman umat Islam. Perjuangan selama 23 tahun di Mekah dan di Madinah akhirnya membuahkan hasil. Impian dan cita-cita Rasulullah s.a.w. untuk menyatukan bumi arab di bawah panji-panji Islam dan membentuk satu masyarakat berdasarkan keadilan dan nilai terpuji menjadi nyata. Baginda berjaya menyatukan puak-puak yang berpecah belah sama ada yang miskin atau yang kaya, yang kuat atau yang lemah ke dalam satu masyarakat yang berdasarkan kehormatan diri dan kesolehan (Seyyed Hossein Nasr, 2001:46). Ukuran kemuliaan umat Islam tidak lagi dinilai dari segi kehebatan dunia semata-mata, bahkan mereka berlumba-lumba menambah keimanan dan ketakwaan. Firman Allah yang berbunyi:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).*”

(surah al-Hujurat: 13)

Akhlag yang ditunjukkan oleh Nursi mendekati akhlak Rasulullah s.a.w. Sifat-sifat seperti beramal dengan ilmunya, sifat takwa yang hebat, zuhud, ikhlas, kental berkhidmat untuk agama, benar, tunai janji, pengorbanan yang tinggi, cekap berekonomi, *qanā’ah* dan sebagainya telah melatari akhlak Nursi (al-Salihi, 1987:152). Apabila berinteraksi dengan hadis Nabi s.a.w., Nursi amat jujur dan mengakui kekuatan yang ada padanya dan beliau bersedia untuk menerima teguran. Dalam pendahuluan *Risālah al-Mu’jizah al-Aḥmadiyyah*, Nursi menyebut mana-mana kesalahan pada lafaz hadis yang ditemui di dalam risalah ini, anggaplah periwayatannya berdasarkan makna sahaja iaitu perawi menyebutkan makna hadis, manakala ibarat (lafaz) darinya sendiri (*al-Maktubat*, 2011:118).

1 Selama hampir 25 tahun, Nursi menjalani kehidupan dalam buangan dan di penjara-penjara seluruh Turki sebagai mengekang dan melambatkan usaha gerakan dakwah yang diperjuangkan olehnya. Walau pun di dalam penjara Nursi berjaya mewujudkan *bi’ah* Islam dan mengajar banduan-banduan tentang agama dan kepentingan taubat. Penjara telah berubah menjadi *madrasah Yusufiyyah* yang banyak mengubah kehidupan mereka kepada kebaikan Islam. Bermula *Madrasah Yusufiyyah* pertama di penjara Eski Syaher, *Madrasah Yusufiyyah* kedua di penjara Denizli dan *Madrasah Yusufiyyah* ketiga di penjara Afyon (al-Salihi, 1987:79).

Setelah kejatuhan kerajaan Uthmaniyah, serangan terhadap sumber-sumber² agama Islam semakin hebat termasuklah serangan terhadap sumber hadis. Noor Azma (2012:26-27) menyebut, beberapa keraguan cuba ditimbulkan terhadap hadis-hadis Rasulullah s.a.w. seperti mempertikaikan martabat hadis, meragui hadis-hadis alamat kiamat, meragui hadis-hadis tentang ganjaran pahala, penolakan terhadap hadis daif dan sebagainya. Nursi bangkit dengan mempertahankan hadis Nabi s.a.w. daripada serangan tersebut dengan menulis risalah khusus seperti *Risālah fī uṣūl Fahm al-Aḥādīth* yang terkandung dalam *al-Kalimāt* yang ke 24. Nursi berusaha mempertahankan hadis-hadis Nabi s.a.w. daripada ditohmah dan diserang sewenang-wenangnya termasuklah serangan terhadap hadis daif serta cuba mempertikaikan keabsahan hadis yang menjadi sumber kedua umat Islam selepas al-Quran.

Hadis juga menjadi sumber terpenting kepada pengkajian ilmu pengetahuan. Apabila mengambil al-Quran dan alam semula jadi sebagai pelengkap teori ilmu pengetahuan. Dalam pada itu, apabila hadis atau sunah Rasulullah s.a.w. diabaikan, maka ia telah membina kepada asas metodologi yang salah (Noor Azma, 2007:2).

Perbincangan ini menjelaskan bahawa *Rasāil al-Nūr* bergerak berpandukan roh al-Quran dan sunah Nabi s.a.w. Kekuatan yang dikemukakan memukau hati dan nurani manusia yang membacanya. Keistimewaan ini menjadikan *Rasāil al-Nūr* senjata yang ampuh membungkam dan menundukkan faham Materialisme dan Komunisme di zaman moden ini.

PENGARUH *RISALAH AL-NUR* KEPADA UMAT ISLAM

Karya *Risālah al-Nūr* telah memberikan pengaruh yang cukup mendalam kepada masyarakat Turki Moden pada masa itu. Keracunan ilmu dan pemikiran manusia yang sengaja diputar belitkan oleh pemikir sekular Turki khususnya setelah penubuhan Republik Turki baru. Dalam pada itu, masyarakat Turki amat dahagakan pedomam ilmu yang murni sebagai penyelesaian terhadap segala kekeliruan yang berlaku. Penulisan *Risālah al-Nūr* bertepatan dengan waktunya. Ia menjadi wadah perjuangan mempertahankan keimanan umat Islam seluruhnya.

Risālah al-Nūr mempunyai tarikan tertentu yang mengikat pembacanya untuk terus meneliti satu persatu isi kandungan yang dibincangkan. *Risālah al-Nūr* bukan sahaja memberikan kepuasan ilmu, tetapi juga berupaya membekalkan santapan rohani dan juga akli yang lazat. Ia juga mampu memenuhi keperluan seluruh *laṭīfah* yang ada dalam badan manusia (al-Salihi, 1987:181).

Dari segi pembawaan dan pengolahan, *Risālah al-Nūr* juga berbeza dengan kitab-kitab tafsir yang lain atau pun karya-karya daripada disiplin ilmu yang berlainan seperti ilmu tasawuf yang menekankan pengalaman jiwa, rasa batin, *zawq* dan sebagainya. Nursi (*al-Malāḥiq*: 95) menegaskan bahawa *Risālah al-Nūr* terbit daripada gandingan akal dan hati serta dibantu oleh *laṭīfah insāniyah* yang lain. Ia mampu mendaki puncak tertinggi yang tidak mampu dicapai oleh teori falsafah sekali pun. Daripada usaha tersebut, terungkaplah cahaya hakikat keimanan yang mana puncanya telah lama tertutup.

Maryam Jamilah (1981:13) dalam catatannya menyebut *Risālah al-Nūr* sebagai model sekolah kepercayaan dan keimanan umat Islam. Ia tidak mempunyai bangunan, tiada yang memprogramkannya, tiada organisasi, tiada dana, tiada pentadbir, tiada majikan serta pekerja. Ia adalah sebuah organisasi yang berpusatkan hati. Pembacanya akan termasuk ke dalam sekolah ini walau di mana pun berada. Pada tahun 1947, sekurang-kurangnya 500,000-600,000 murid pembaca tetap *Risālah al-Nūr* di seluruh Anatolia. *Risālah al-Nūr* mula diterima ramai di kalangan masyarakat Turki. *Tullāb nūr* pula semakin hari semakin bertambah dengan penyertaan mereka mewakili pelbagai peringkat umur dan pendidikan. Al-Nu’aimi (1993: 87) merekodkan ada di antara mereka anak-anak kecil seumur lima tahun, golongan petani dan di kalangan pensyarah-pensyarah universiti. Namun kebanyakan mereka adalah pelajar-pelajar universiti di Turki khususnya universiti yang terkenal dengan faham sekularisma seperti Universiti *al-Syarq al-Awsaṭ* di Ankara. Setelah membaca dan menghayati isi kandungan *Risālah al-Nūr*, *tullāb nūr* tidak pernah dituduh melakukan sebarang huru hara, pergaduhan dan selainnya. Mereka menyayangi Nursi dan mengasihi setiap amalannya serta bertungkus lumus ke arah itu (Maryam Jameelah, 1990: 18-19). Dari segi kepuasan dan hasil dapatannya, al-Ṣāliḥī (1987:184) menyatakan setiap pembaca *Risālah al-Nūr* pasti akan menemukan jawapan dan penyelesaiannya kepada berbagai-bagai permasalahan hidup sama ada aspek kejiwaan, kekeluargaan, kemasyarakatan dan juga politik.

Walaupun gerakan nur masih di bawah pengawasan pihak polis, namun *Risālah al-Nūr* bebas diterbitkan dan terpaksa bergerak secara berhati-hati. Untuk itu, pertama kalinya *Risālah al-Nūr* dicetak dalam abjad roman dengan cetakan yang

moden. Manakala pusat pengajian (dershanes) telah dibuka di seluruh negara. Di wilayah Diyarbakir sahaja, terdapat sekitar 200 buah *dershanes* dengan empat atau lima daripadanya dikhususkan kepada kaum wanita (S. Vahide, 1992: 359). Nursi juga menggalakkan *tullāb nūr* menjadikan rumah-rumah mereka sebagai tempat untuk mempelajari dan mendalami *Risālah al-Nūr* bersama-sama anak-anak dan ahli keluarganya. Nursi (*al-Malāḥiq*: 347) menyatakan bahawa bersibuk-sibuk untuk memahami *Rasāil al-Nūr* walaupun hanya 10 minit sesungguhnya mendapat ganjaran seperti ganjaran penuntut ilmu hakiki.

Dari segi politik, kebangkitan Gerakan Nur³ (Nur Movement) semakin menyerlah dan menyumbang kepada kemenangan Parti Demokrat dalam pilihan raya tahun 1950 dan pemilihan tahun seterusnya. Gelombang kebangkitan politik Islam di Turki semakin menampakkan taringnya. Natijahnya beberapa parti politik yang berorientasikan sekular seperti Parti Keadilan, Parti Jalan Lurus dan Parti Tindakan Nasional telah meminta sokongan dan dokongan kepada gerakan Islam. Pada pilihan raya tahun 1987, gabungan parti ini telah melancarkan slogan mereka yang berbunyi “*Dalil kita adalah al-Quran dan tujuan kita adalah tiran (menghapuskan kezaliman)*”. Akhirnya tertubuhnya parti Islam secara tersusun di bawah payung Parti Salamah Nasional pimpinan Profesor Dr. Najmuddin Arbakan setelah mengalami pelbagai tekanan dan ujian di bawah kekangan pemerintah sekular. Dua kelompok yang menjadi tulang belakang kepada perkembangan ini ialah pertamanya golongan tasawuf yang menentang gerakan Kemalis.⁴ Mereka adalah penjaga khazanah Islam, hal peribadatan umat Islam, mendirikan organisasi infak untuk sekolah-sekolah para imam dan khatib dan sebagainya. Keduanya ialah gerakan Said Nursi yang terkenal dengan Gerakan Nur (*Nur Movement*) yang bangkit menentang dengan cara penulisan *Rasāil al-Nūr*. Tujuan penulisan *Rasāil al-Nūr* ialah untuk membangkitkan kesedaran Islam dan melawan prinsip-prinsip Kemalisme dan Sekularisma. Menurut Syalabi (2004: 634-636) lagi, Gerakan Nur berjuang bukan dengan cara mengangkat senjata akan tepi mereka berjuang dengan cara penulisan dan disebarkan kepada masyarakat.

Pengaruh Gerakan Nur dan penyebaran *Risālah al-Nūr* juga berlaku di Malaysia namun masih belum dibanggakan. Nur Atyqah (2012:101) mengharapkan agar usaha-usaha lebih giat perlu dilakukan oleh pihak-pihak terbabit agar buah pemikiran Nursi ini dapat dikongsi oleh seluruh rakyat Malaysia. Untuk itu, usaha menyebarkan pengaruh pemikiran Nursi di Malaysia masih berterusan. Persatuan Kebudayaan Malaysia Turki (MTCA/Maturca) sekali lagi memainkan peranan penting dalam merancang beberapa program untuk memperkenalkan Badiuzzaman Said Nursi. Pada tahun 2012, Maturca telah menjalankan kerjasama dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga Institut Antarabangsa Pengajian Islam Lanjutan (IAIS) Malaysia yang telah menganjurkan seminar pemikiran Said Nursi dengan maksud memperkenalkan dan menterjemahkan pemikiran Said Nursi serta kesesuaiannya di Malaysia. Pada tahun 2011, Yayasan Islam Terengganu telah mengadakan seminar tentang perjuangan dan pemikiran Badiuzzaman Said Nursi. Namun, menurut Mohamad Zaidin (2003) dari sudut penganjuran seminar ini, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah yang paling awal menganjurkannya sekali gus memperkenalkan tokoh Badiuzzaman Said Nursi di Malaysia iaitu pada tahun 1999.

Selain itu, Maturca juga rancak menjalankan program dan usaha sama dengan NGO dan badan-badan amal di Malaysia seperti Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Belia Islam Malaysia (ABIM), Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Hairat Vakfi, Rumah Anak Yatim Ma’had Tahfiz Baitul Ummah, Setapak dan sebagainya. Menurut catatan Nur Atyqah (2012: 88) pada bulan Mac 2012, seminar tentang *Risālah al-Nūr* dan dakwah Badiuzzaman Said Nursi yang diadakan di Auditorium Tun Ahmad Riffae, Sabah.

Setelah kematian Nursi, pengaruh dan populariti *Risālah al-Nūr* semakin melonjak dari segi kekuatan dan penambahan bilangan *tullāb nūr*. Al-Mullazkirdi (1983: 78) menyebut *Risālah al-Nūr* telah dibaca oleh jutaan manusia dan dihafaz oleh ribuan hati disebarkan lebih ratusan ribu naskhah kepada seluruh kaum Muslimin di Turki dan Kurdistan serta seluruh negara Islam, di Eropah, di Amerika secara rasminya oleh cahaya daripada jutaan *tullāb nūr* yang bertebaran.

KESIMPULAN

Karya *Risālah al-Nūr* telah memberikan pengaruh yang cukup mendalam kepada masyarakat Turki khususnya dan

2 Peristiwa yang paling terkesan dihati Nursi ialah ketika mana sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran yang telah diserang hebat oleh William Ewart Gladstone (1809-1898) iaitu Menteri Tanah Jajahan Britain di dalam Dewan Perwakilan Rakyat. Ketika berucap di dewan senat tersebut, Gladstone telah mengangkat senaskhah al-Quran lalu menyatakan, “*Sekiranya al-Quran ini masih ditangan umat Islam, maka kita tidak akan mampu menguasai mereka. Oleh itu, kita tidak dapat elak dengan menghapuskan daripada wujud atau memutuskan ikatan al-Quran dengan kaum Muslimin*” (al-Salihi, 1987:25).

3 Menurut al-Juhni (1999: 324) Gerakan Nur atau *Nur Movement* ialah sebuah jemaah yang berbentuk Islami yang mana ia bergerak secara tersusun, hampir sama dengan jemaah sufiyyah. Mereka bergerak untuk menjalankan dakwah menuju hakikat keimanan dan beramal untuk mendidik jiwa bagi mempertahankan diri daripada serangan fahaman sekularisma Barat yang dibawa oleh penyokong Kemalis setelah kejatuhan khilafah Uthmaniyah. Kemudiannya, mereka melantik Mustafa Kamal sebagai pemimpin republik Turki baru.

4 Menurut Marshall H.S. Hodgson (2004: 316) Kemalis atau Kemalisme adalah mengambil nama pemukanya iaitu Mustafa Kamal al-Tarturk. Menjelang kematian Mustafa Kamal tahun 1938, prinsip Kemalisme telah mengukuh di kalangan belia yang terpelajar. Mereka ini diharap berupaya melaksanakan institusi moden yang dibina oleh Kamal. Mereka memegang prinsip bahawa untuk menjadi moden hendaklah menyertai Barat sebagai sebuah bangsa dikalangan bangsa Barat yang lain dengan berkongsi segala-galanya dari Barat, sama ada yang baik atau pun yang buruk.

masyarakat Islam umumnya. Keracunan ilmu dan kecelaruan pemikiran umat Islam makin menjadi-jadi khususnya setelah penubuhan Republik Turki baharu. Dalam pada itu, masyarakat Turki amat dahagakan pedoman ilmu yang murni sebagai penyelesaian terhadap segala kekeliruan yang berlaku. Penulisan *Risālah al-Nūr* bertepatan dengan waktunya. Ia menjadi wadah perjuangan mempertahankan keimanan umat Islam seluruhnya.

Risālah al-Nūr mempunyai tarikan tertentu yang mengikat pembacanya untuk terus meneliti satu persatu isi kandungan yang dibincangkan. *Risālah al-Nūr* bukan sahaja memberikan kepuasan ilmu, tetapi juga berupaya membekalkan santapan rohani dan juga akli yang lazat. Ia juga mampu memenuhi keperluan seluruh *laṭīfah* yang ada dalam badan manusia (al-Ṣāliḥī, 1987:181). Dari segi metode pembawaan dan pengolahan, *Risālah al-Nūr* juga berbeza dengan kitab-kitab tafsir yang lain atau pun karya-karya daripada disiplin ilmu yang berlainan seperti ilmu tasawuf yang menekankan pengalaman jiwa, rasa batin, *zawq* dan sebagainya. Nursi (*al-Malāḥiq*:95) menegaskan bahawa *Risālah al-Nūr* terbit daripada gandingan akal dan hati serta dibantu oleh *laṭīfah insāniyah* yang lain. Ia mampu mendaki puncak tertinggi yang tidak mampu dicapai oleh teori falsafah sekali pun. Daripada usaha tersebut, terungkaplah cahaya hakikat keimanan yang mana puncanya telah lama tertutup.

Akhirnya, *Rasāil al-Nūr* telah mempamerkan kehebatannya yang tersendiri berdasarkan kepada sumber-sumber dan keistimewaan yang disebutkan di atas. Pengaruh karya ini masuk ke seluruh jiwa masyarakat Turki yang dahagakan kemajuan dan peradaban yang sahih. Sejarah penulisan yang begitu tragis serta liku-liku perjuangan menuntut keadilan dan membanteras kezaliman terangkum dalam karya besar ini sekali gus menyerlahkan lagi nur yang sekian wujud di dalam tafsir *Rasāil al-Nūr*.

RUJUKAN

‘Abd al-Razzaq ‘Abd al-Rahman al-Sa‘di (2008). “Tawzif al-Lughah al-‘Arabiyyah fi al-Kasyf ‘an al-Maqasid al-Qur’aniyyah ‘Ind al-Nursi”, dalam *Seminar Antarabangsa Berkaitan Fiqh al-Maqasid wa al-Hikam fi Fikr Badi’ al-Zaman al-Nursi*, 13-14 Mac 2008.

‘Abd Allah al-Tantawi (1997). “Manhaj al-Islah wa al-Taghyir ‘Ind al-Nursi” dalam *Badi’ al-Zaman al-Nursi Fikruhu wa Da’watu*hu, peny. Ibrahim ‘Ali al-‘Awadi, Urdun: al-Ma’had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami.

‘Ammar Jaydal (2009). *Haqiqah Maqasid Rasail al-Nur*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

Abi Ja’far Muhammad bin Jarir al-Tabari (2001). *Tafsir al-Tabari Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil Ayy al-Qur’an*, tahqiq ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki, jil. 16, Kaherah: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-‘Arabiyyah wa al-Islamiyyah bi Dar al-Hijr.

Badi’ al-Zaman Sa’id Nursi (2011). *al-Kalimat*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2011). *al-Lumu‘at*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2011). *al-Maktubat*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2011). *al-Syu‘a‘at*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2011). *Isyarat al-I‘jaz fi Mazan al-Ijaz*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2010). *Saiqal al-Islam*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2010). *al-Malahiq fi Fiqh Da’wah al-Nur*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 1, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2011). *al-Mathnawi al-‘Arabi al-Nuri*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

_____ (2010). *Sirah Zatiyah*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, cet. 2, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.

Colin Turner (1997). “al-Tajdid wa Badi’ al-Zaman” dalam *Badi’ al-Zaman Sa’id Nursi fi Mu’tamar al-‘Alami Hawla Tajdid al-Fikr al-Islami*, Istanbul: Nasil Basim Yayin

Hasan ‘Abd al-Rahman Bakir (1998). “Nahwu Fahmi ‘Asri li al-Quran al-Karim: Rasail al-Nur Anamudhajan” dalam

al-Mu’tamar al-‘Alami al-Rabi ‘ li Badi’ al-Zaman Sa’id al-Nursi.

Hasan Horkuc. (2004). *Said Nursi’s Ideal for Human Society: Moral and Social Reform in the Risale-i Nur*, Tesis PhD, University Durham, United Kingdom.

Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (2005). *Badai’ al-Tafsir*, tahqiq, Yusri al-Sayid Ahmad, jil. 1, Jeddah: Dar Ibn al-Jauzi li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.

Ihsan Qasim al-Salihi. (1987). *Badi’ al-Zaman Sa’id Nursi Nazrah al-‘Ammah ‘an Hayatihi wa Atharihi*, Istanbul: Sozler Publication.

Muhamad Zahid al-Mulazkirdiy (1983). “Lum’ah Sari‘ah min Khulasah Hayat al-Imam al-Jalil” dalam *‘Ujjalah Muqtatifah min Aqlam Afadil al-‘Ulama’ al-Dakatirah fi Hayah al-Imam al-Jayl al-Ustaz Badi’ al-Zaman Sa’id al-Nursi*, pensyusun Muhammad Zahid al-Mullazkirdi, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Muhamad Zaidin Mat (2003). *Badiuzzaman Said Nursi Sejarah Perjuangan Dan Pemikiran*, Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, UKM dan Sozler Nesriyat A.S.

Muhsin ‘Abd al-Hamid (1999). “Tajdid al-Fikr al-Islami fi al-Qarn al-Hadi wa al-‘Isyirin wa Dawr Imam al-Nursi” dalam *Mu’tamar Harakah al-Tajdid fi al-Qarn al-Hadi wa al-‘Isyirin wa Dawr Badi’ al-Zaman al-Nursi*. 21-22 Mac 1999, Bangi: Kuala Lumpur.

_____ (1983). “Namuzaj al-Hayat al-Imam Badi’ al-Zaman Sa’id al-Nursiy” dalam *‘Ujjalah Muqtatifah min Aqlam Afadil al-‘Ulama’ al-Dakatirah fi Hayah al-Imam al-Jayl al-Ustaz Badi’ al-Zaman Sa’id al-Nursi*, pensyusun Muhammad Zahid al-Mullazkirdi, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Noor Azma Mohamad Khasim (2012). “Beberapa Penelitian Terhadap Pandangan Badiuzzaman Said Nursi ke Atas Prinsip-Prinsip Memahami Hadith Melalui *Risalah Usul fi Fahm al-Ahadith*”, dalam *Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam*, (ed.) Khader Ahmad dan Sedek Arifin, kuala Lumpur: Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

_____ (2007). *Knowledge Paradigm in Prophetic Traditional: Analytical Study of the Views of Badiuzzaman Said Nursi*, Tesis Masters. Tidak diterbitkan, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM).

Nur Atyqah binti Ramlan. (2011). *Pengaruh Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi di Malaysia*, Latihan Ilmiah Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sa‘ad Yildirim (1997). “Makanah Badi’ al-Zaman al-Nursi fi al-Fikr wa al-Harakah al-Islamiyah” dalam *Badi’ al-Zaman al-Nursi Fikruhu wa Da’watu*hu, peny. Ibrahim ‘Ali al-‘Awadi, Urdun: Ma’had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami.

Sarwat Saulat. (1981). *Said Nursi*, Karachi: International Islamic Publishers.

Seyyed Hossein Nasr (2001). *Muhammad Insan Kamil*, terj. Baharuddin Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sukran Vahidah (1992). *The Author of Risale-i Nur Badiuzzaman Said Nursi*, Istanbul: Sozler Publication.

Syanar Dilek (1997). “Manhaj wa Tariqah Rasail al-Nur wa Ghayatuha”, dalam *Badi’ al-Zaman Sa’id Nursi fi Mu’tamar al-‘Alami Hawla Tajdid al-Fikr al-Islami*, Istanbul: Nasil Basim Yayin.

Wan Jefree Wan Sulaiman (1987). *Mujaddid Islam Syekh Badiuzzaman Said Nursi*, cet. 2, Shah Alam: Penerbitan HIZBI.